

MAHKAMAH NCVC 2 21NCVC-102-05/2012
DIHADAPAN HAKIM PRASAD SANDOSHAM ABRAHAM
PADA: 13-Jun-2012
MASA: 9.00 PAGI
ARAS 3, SAYAP KANAN

COURT ENCLOSURE NO: 1
This is NON-PAYABLE document
1405141 N/A 15/05/2012 16:41:37
21NCVC-102-05/2012
RM001.....0.00 X 1
Jumlah RM*****0.00

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

GUAMAN SIVIL NO. 21NCVC-102-05/2012
TAHUN 2012

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

...PLAINTIF

DAN

1. AMBIGA SRENEVASAN [No. K/P: ██████████]
2. MARIA CHIN ABDULLAH [No. K/P: ██████████]
3. ZAID BIN KAMARUDIN [No. K/P: ██████████]
4. HARIS FATHILLAH B. MOHAMED @ HARIS FATHILLAH
SAM SATHIASINGAM [No. K/P: ██████████]
5. ARUMUGAM A/L KALIMUTHU [No. K/P: ██████████]
6. ARUL PRAKKASH A/L SINNAPPAN [No. K/P: ██████████]
7. WONG CHIN HUAT [No. K/P: ██████████]
8. DR. AHMAD FAROUK BIN MUSA [No. K/P: ██████████]
9. TOH KIN WOON [No. K/P: ██████████]
10. ANDREW KHOO [No. K/P: ██████████] ...DEFENDAN-DEFENDAN

WRIT SAMAN

YANG AMAT ARIF TAN SRI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN, HAKIM BESAR
MALAYA ATAS NAMA DAN BAGI PIHAK SERI PADUKA BAGINDA YANG
DIPERTUAN AGONG.

1

SIN 8IRRU9MIHGSG

**Note: Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Kepada:

1. **Ambiga Sreenevasan**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
2. **Marla Chin Abdullah**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
3. **Zaid Bin Kamarudin**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
4. **Haris Fathillah B. Mohamed @ Haris Fathillah Sam Sathiasingam**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
5. **Arumugam a/l Kalimuthu**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
6. **Arul Prakkash a/l Sinappan**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
7. **Wong Chin Huat**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]
8. **Dr. Ahmad Farouk Bin Musa**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]

9. **Toh Kin Woon**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]


10. **Andrew Khoo**
[REDACTED]
[REDACTED]
[REDACTED]

KAMI PERINTAHKAN kamu bahawa dalam tempoh Dua Belas (12) hari selepas penyampalan writ ini ke atas kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam kausa atas guaman Plaintiff yang tersebut di atas.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa jika kamu ingkar berbuat demikian, Plaintiff boleh meneruskan untuk mendapatkan Penghakiman dan Perlaksanaan.

WIRMA BINTI RIFIN @ ARIFIN
DISAKSIKAN oleh _____, Penolong Kanan
Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya, di Kuala Lumpur.

Bertarikh pada 15 haribulan MAY 2012


PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN
BAGI PIHAK PLAINTIF




WYRMA BINTI RIFIN @ ARIFIN
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

PENOLONG KANAN PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
KUALA LUMPUR

Memorandum yang hendak diturunkan pada writ

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada Enam (6) bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah mahkamah.

Defendan (atau Defendan-Defendan) boleh hadir bersama dengan memasukkan kehadiran (atau kehadiran-kehadiran sama ada sendiri atau melalui Peguamcara di pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi.

Defendan-Defendan yang hadir sendiri boleh, jika dikehendaknya, memasukkan kehadirannya melalui pos dan borang-borang yang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar kiriman pos berharga RM5.00 beserta sampul surat beralamat sendiri kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur.

Pengindorsan Tuntutan

Tuntutan Plaintiff adalah untuk deklarasi dan kerugian yang ditanggung akibat tindakan Defendan-Defendan mengingkari tugas dan tanggungjawab statutori di bawah seksyen 6(2)(g) Akta Perhimpunan Aman 2012 serta cuai menjalankan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan kerosakan harta benda Plaintiff. Plaintiff menuntut:

Gantirugi khas	RM 122,000.00
Faedah	RM

Kos-

(a) Fee Mahkamah	RM
(b) Fee Peguamcara	RM
JUMLAH	RM _____

Pengindorsan Tentang Peguamcara Dan Alamat

Writ ini dikeluarkan oleh oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak
Plaintif yang beralamat di Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman, Aras 3, Blok
C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62512 Putrajaya

Pengindorsan Tentang Penyampalan

Writ ini telah disampaikan oleh.....dengan
cara penyampalan kediri (atau sebagaimana yang berkenaan) (nyatakan cara
penyampaian atau mengikut terma-terma suatu perintah untuk penyampalan ganti)
kepada Defendan (yang saya kenali) (atau yang telah ditunjukkan kepada saya
oleh.....) (atau yang telah mengaku kepada saya bahawa dia
telah.....) di (tempat) pada.....haribulan
.....2012.

.....
Penghantar Saman

WRIT SAMAN ini difailkan oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak
Plaintif yang beralamat di Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman, Aras 3, Blok
C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62512 Putrajaya.
(PN/WKL/HQ/16/12/2012)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

GUAMAN SIVIL NO. TAHUN 2012

21NCVC-102-05/2012

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

...PLAINTIF

DAN

1. AMBIGA SRENEVASAN [No. K/P: ██████████]
2. MARIA CHIN ABDULLAH [No. K/P: ██████████]
3. ZAID BIN KAMARUDIN [No. K/P: ██████████]
4. HARIS FATHILLAH B. MOHAMED @ HARIS FATHILLAH SAM SATHIASINGAM [No. K/P: ██████████]
5. ARUMUGAM A/L KALIMUTHU [No. K/P: ██████████]
6. ARUL PRAKKASH A/L SINNAPPAN [No. K/P: ██████████]
7. WONG CHIN HUAT [No. K/P: ██████████]
8. DR. AHMAD FAROUK BIN MUSA [No. K/P: ██████████]
9. TOH KIN WOON [No. K/P: ██████████]
10. ANDREW KHOO [No. K/P: ██████████] ...DEFENDAN-DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintiff ialah Kerajaan Malaysia yang mempunyai alamat penyampaian di Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman, Aras 3, Blok C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62512 Putrajaya.

2. Defendan Pertama adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
3. Defendan Kedua adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
4. Defendan Ketiga adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
5. Defendan Keempat adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
6. Defendan Kelima adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
7. Defendan Keenam adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
8. Defendan Ketujuh adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
9. Defendan Kelapan adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]

10. Defendan Kesembilan adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
11. Defendan Kesepuluh adalah seorang Individu yang beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]
12. Defendan-Defendan adalah penganjur suatu perhimpunan yang dinamakan sebagai Bersih 3.0 yang dijadual untuk diadakan pada 28.4.2012 di Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya bertujuan untuk menyuarakan bantahan terhadap sistem pilihanraya negara. Penyebaran luas mengenai perhimpunan tersebut telah dibuat melalui media massa, media elektronik dan Internet.
13. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak meluluskan penggunaan Dataran Merdeka untuk tujuan perhimpunan seperti yang dipohon oleh Defendan Kedua.
14. Defendan-Defendan sebagai penganjur perhimpunan tersebut telah ditawarkan tempat alternatif seperti Stadium Merdeka untuk mengadakan perhimpunan tersebut tetapi tidak diterima.
15. Suatu Perintah larangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret bertarikh 26.4.2012 yang melarang perhimpunan di Dataran Merdeka dan orang awam agar tidak hadir, berada atau mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perhimpunan dari 28.4.2012 hingga 1.5.2012.

16. Pada tarikh perhimpunan tersebut, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berada di kawasan sekitar Dataran Merdeka bagi memastikan Perintah tersebut dipatuhi dan menguatkuasakan Perintah tersebut. Pihak polis telah membuat halangan dan sekatan disekitar Dataran Merdeka bagi menghalang penganjur dan peserta daripada melanggar Perintah Mahkamah tersebut.
17. Pada 28.4.2012, pihak penganjur telah berhimpun di persekitaran Dataran Merdeka yang telahpun dibuat halangan dan sekatan oleh pihak polis.
18. Perhimpunan tersebut menjadi tidak aman kerana peserta-peserta perhimpunan tersebut telah merempuh hafangan/sekatan dan telah menyebabkan kerosakan harta benda.
19. Plaintiff menyatakan bahawa menurut sekyen 6(2)(g) Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736), Defendan-Defendan mempunyai tanggungjawab antara lainnya untuk memastikan bahawa perhimpunan yang diadakan tidak akan menyebabkan kerosakan kepada harta benda.
20. Plaintiff menegaskan bahawa Defendan-Defendan telah gagal untuk melaksanakan tugas dan/atau tanggungjawab statutori tersebut apabila perhimpunan tersebut menjadi tidak terkawal dan bertukar menjadi rusuhan dan menyebabkan kerosakan kepada kenderaan-kenderaan milik Plaintiff sebagaimana yang berikut:-

- a) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 3.30 petang, Ruzalmi Bin Ramli adalah dalam tugas rasmi memandu kenderaan MPV nombor pendaftaran WPP 1264 jenis Proton Waja dalam OPS AMAN 3/2012. Semasa sedang memandu di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman, kenderaan tersebut telah ditendang dan dibaling batu oleh kumpulan peserta perhimpunan tersebut.
- b) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 4.20 petang, Hairul Nizam Bin Md Nor, adalah dalam tugas rasmi memandu kenderaan nombor pendaftaran WQW 160 jenis Nissan X-Trail dalam OPS AMAN 3/2012. Semasa sedang memandu di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman dan apabila sampai di hadapan Kompleks Pertama, kenderaan WQW 160 tersebut telah ditendang dan dibaling dengan pelbagai objek seperti batu, botol, air mineral dan batu bata oleh kumpulan peserta perhimpunan tersebut.
- c) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 4.30 petang, Mohd Fairuz Bin Zulkifli, dalam tugas rasmi membuat pemantauan disekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dengan menunggang motorsikal pasukan bernombor pendaftaran WSN 4490 model Honda CBX 750 dan semasa sampai di Pertama Kompleks, telah diserang oleh beberapa peserta perhimpunan tersebut sehingga menyebabkan motorsikal Plaintiff terjatuh dan mengalami kerosakan.
- d) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 4.45 petang, Mohd Fakri Bin Yusof adalah dalam tugas rasmi memandu kenderaan nombor pendaftaran

WWA 4509 Jenis Nissan Urvan dalam OPS AMAN 3/2012. Semasa sedang memandu kenderaan tersebut di persimpangan Jalan Raja Chulan dan Jalan Tun Perak, kenderaan tersebut telah diserang, ditendang, ditumbuk dan dibaling objek oleh sekumpulan peserta Perhimpunan Bersih 3.0.

- e) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 3.55 petang, Abu Bakar Bin Abdul Rahman sedang menuju ke arah motorsikal pasukan jenis Honda ST 1300 bernombor pendaftaran WSF 932, telah dibaling botol serta di sepak terajang beberapa kali oleh sekumpulan peserta Perhimpunan Bersih 3.0 dan motorsikal Plaintiff telah mengalami kerosakan.

- f) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 5.30 petang, sebanyak 5 buah kenderaan unit *Strike Force* Unit Tindak Khas Bukit Aman yang diketuai oleh DSP Mohd Ali Bin Thamby telah melalui kawasan Jalan Tun Perak berhadapan Masjid Jamek Kuala Lumpur. Unit Tindak Khas Bukit Aman tersebut telah dibaling dengan pelbagai objek keras oleh peserta-peserta perhimpunan tersebut dan menyebabkan berlaku kerosakan pada kenderaan pasukan jenis *Honda Accord* bernombor pendaftaran WQV 941, Proton Perdana V6 bernombor pendaftaran WKP 2426, Nissan x-Trail 2.5 bernombor pendaftaran WSC 7241, Proton Waja bernombor pendaftaran WPQ 2707, Flexton bernombor pendaftaran WQV 6910, Nissan Xtrail 2.5 bernombor pendaftaran WNP 6120 dan Nissan Xtrail 2.0 bernombor pendaftaran WSC 2091.

- g) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 2.45 petang, semasa Ramli Bin Hj Musa dalam tugas rasmi OPS AMAN 3/2012 memandu kenderaan jenis *water canon* nombor pendaftaran WJA 8085, kenderaan tersebut telah dibaling dengan objek-objek keras sehingga menyebabkan kerosakan oleh sekumpulan peserta Perhimpunan Bersih 3.0 di Dataran Merdeka.
- h) Pada 28.4.2012, semasa Sazali Bin Ismail dalam tugas rasmi OPS AMAN 3/2012 memandu kenderaan jenis *water canon* nombor pendaftaran WJA 8086, kenderaan tersebut telah dibaling oleh objek-objek keras sehingga menyebabkan kerosakan oleh sekumpulan peserta Perhimpunan Bersih 3.0 di Jalan Tun Perak dan Jalan Lebuh Ampang.
- i) Pada 28.4.2012 lebih kurang jam 4.30 petang, Mohamed Shukri Bin Mohamed Zainal dalam tugas rasmi menunggang motorsikal pasukan yang bernombor pendaftaran WPV 6834 dalam OPS AMAN 3/2012 untuk memberi bantuan kepada tiga (3) orang anggota trafik yang telah dikepung oleh perusuh dari arah bertentangan di hadapan pasaraya SOGO, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Semasa pengkhidmat Plaintif tersebut memberhentikan motorsikal, sekumpulan peserta perhimpunan Bersih 3.0 telah berlari ke arahnya dan mengetuk motorsikal tersebut dengan menggunakan besi sehingga menyebabkan kerosakan.

21. Secara alternatif, Defendan-Defendan sebagai penganjur telah cual menjalankan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan kerosakan harta benda seperti yang dinyatakan di perenggan atas.

BUTIR-BUTIR KECUALIAN DEFENDAN-DEFENDAN

- a) Membawa peserta-peserta perhimpunan yang terlalu ramai tetapi gagal untuk mewujudkan/mengadakan kawalan yang efektif dan secukupnya;
 - b) Gagal mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan perhimpunan tersebut berjalan dengan aman;
 - c) Gagal melantik bilangan orang yang perlu untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur.
22. Akibat daripada kegagalan dan/atau tinggalkan Defendan-Defendan, kenderaan-kenderaan milik Plaintiff telah mengalami kerosakan dan Plaintiff terpaksa menanggung kerugian yang telah ditaksirkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR KERUGIAN KHAS PLAINTIF

- | | | |
|----|--------------------------------------|--------------|
| a) | Kos pembaikan kenderaan No. WPP 1264 | RM 2,500.00 |
| b) | Kos pembaikan kenderaan No. WQW 160 | RM 16,000.00 |
| c) | Kos pembaikan kenderaan No. WSN 4490 | RM 6,000.00 |
| d) | Kos pembaikan kenderaan No. WWA 4509 | RM 7,000.00 |
| e) | Kos pembaikan kenderaan No. WPV 6834 | RM 3,000.00 |

f)	Kos pembbaikan kenderaan No. WQV 6910	RM 5,000.00
g)	Kos pembbaikan kenderaan No. WNP 6120	RM 2,500.00
h)	Kos pembbaikan kenderaan No. WSC 7241	RM 11,000.00
i)	Kos pembbaikan kenderaan No. WKP 2426	RM 2,000.00
j)	Kos pembbaikan kenderaan No. WQV 941	RM 2,000.00
k)	Kos pembbaikan kenderaan No. WSC 2091	RM 12,000.00
l)	Kos pembbaikan kenderaan No. WJA 8085	RM 20,000.00
m)	Kos pembbaikan kenderaan No. WJA 8086	RM 18,000.00
n)	Kos pembbaikan kenderaan No. WSF 932	RM 12,000.00
o)	Kos pembbaikan kenderaan No. WPQ 2707	RM 3,000.00


JUMLAH RM 122,000.00

23. Oleh yang demikian, Plaintiff menuntut terhadap Defendan-Defendan untuk:

- (a) Satu deklarasi bahawa Defendan-Defendan sebagai penganjur telah mengingkari seksyen 6(2)(g) Akta Perhimpunan Aman 2012 tersebut;
- (b) Gantirugi Am;
- (c) Gantirugi Khas berjumlah RM 122,000.00;
- (d) Faedah dan gantirugi khas atas kadar 4 % setahun dikira daripada tarikh saman dan pernyataan tuntutan difailkan sehingga tarikh penghakiman ;
- (e) Faedah 4 % setahun daripada tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- (f) Kos; dan

- (g) Apa-apa relif yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh Mahkamah Yang Mulla Inl.

Bertarikh pada 15 haribulan Mei 2012


.....
PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN
Untuk dan bagi pihak Plaintiff

Pernyataan Tuntutan ini difailkan oleh Peguam Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Plaintiff yang beralamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman, Aras 3, Blok C3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62512 Putrajaya.

(PN/WKL/HQ/16/12/2012)